

3755/2
Perdagangan
Kertas 2
Mei
2010
2 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN PERTENGahan TAHUN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

PERDAGANGAN

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibentangkan oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU


Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

Bahagian AJawab mana-mana **tiga** soalan dalam bahagian ini

1. a) Nyatakan dua perbezaan antara keperluan dengan kehendak. **(4 markah)**
- b) Encik Roslan pemilik kilang perabot di kawasan perindustrian Gong Badak, Kuala Terengganu untuk pasaran pantai timur. Di kilangnya terdapat 53 pekerja yang ditugaskan mengikut bahagian masing-masing seperti pemasangan, pemasaran dan pentadbiran.
 - i) Huraikan faktor pengeluaran yang diperlukan dalam pengeluaran di atas? **(8 markah)**
 - ii) Mengapakah beliau mengamalkan pengkhususan dalam pengeluarannya? **(5 markah)**
- c) Bagaimanakah komunikasi dan insurans dapat membantu sebuah syarikat yang mengedarkan pelbagai makanan segera seperti karipap, roti canai dan lain-lain ke seluruh negara? **(8 markah)**

2. a) Rajah 1 menunjukkan sebuah pasar raya.

**RAJAH 1**Terangkan kelebihan jenis perniagaan di atas kepada peniaga. **(6 markah)**

- b) Berikut adalah invois yang diterima oleh Ganu Maju Enterprise.

<p style="text-align: center;">PEMBORONG SEJATI SDN. BHD 1101 Jalan Gambang, Kuantan, Pahang. Tel: 09-8876765</p>				
		INVOIS		A 009891
Pengurus, Ganu Maju Enterprise, 23443-A, Jalan Sultan Mahmud, Kuala Terengganu.		Tarikh :15 Februari 2010		
Tuan,				
Sila bekalkan barang-barang berikut,				
No. Ruj	Kuantiti	Butir	Harga/unit RM	Jumlah RM
KD00767	5	Kipas Dinding Waja model KDW234	250.00	1 250.00
KS06777	4	Kipas Siling Wira model KSW447	350.00	1 400.00
Diskaun niaga 10%				265.00
Jumlah				2 385.00
<p>Syarat : Diskaun Niaga 10% Diskaun Tunai 10% 7 hari 5% 20 hari</p> <p>Angkutan dibayar.</p> <p>K & K diK</p> <p>Yang benar Muhaiden (Pengurus)</p>				

- c) Berikan tiga perbezaan antara diskau niaga dengan diskau tunai. (6 markah)
d) Terangkan kepentingan perniagaan antarabangsa kepada negara. (5 markah)

- 3 a) Rajah 2 di bawah berkaitan dengan kegiatan Industri Kecil dan Sederhana.



RAJAH 2

- i. Apakah jenis kegiatan Industri Kecil dan Sederhana di atas dan nyatakan contoh yang sesuai. (2 markah)
- ii. Terangkan tiga jenis kegiatan Industri Kecil dan Sederhana selain yang dinyatakan di (i). (6 markah)
- b) Pernyataan di bawah berkaitan dengan cara memulakan perniagaan.

Encik Wahab, Encik Kamal dan Encik Din ingin mengusahakan restoran di Bandar Baru Permaisuri. Setelah mengadakan beberapa siri perbincangan dan menimbang faktor-faktor tertentu, mereka bersetuju untuk memulakan perniagaan dengan membeli beberapa buah restoran yang beroperasi di kawasan berkenaan.

- i. Apakah cara memulakan perniagaan yang dinyatakan di atas? (1 markah)
- ii. Nyatakan kelebihan yang dinikmati oleh dengan keputusan tersebut? (4 markah)

- c) Pernyataan berikut berkaitan dengan pelaburan.

Pelabur berbeza dengan spekulator kerana spekulator membeli saham untuk tujuan spekulasi.

- i. Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan perbezaan antara pelabur dengan spekulator. (8 markah)
- ii. Terangkan dua jenis pulangan dalam pelaburan. (4 markah)

4. a) Pernyataan berikut berkaitan dengan polisi insurans.

Dato' Baharuddin memiliki sebuah banglo mewah di kawasan peranginan Bukit Keluang, Besut. Beliau membeli polisi insurans kebakaran ke atas banglonya yang dibina daripada kayu. Banglonya juga dijadikan sebagai tempat untuk menyimpan stok barangniaga yang berlebihan. Namun beliau terlupa untuk memaklumkannya kepada syarikat insurans.

Banglonya terbakar selepas setahun diubahsuai daripada kayu kepada batu. Syarikat insurans telah menolak tuntutan gantirugi yang dikemukakan oleh insured.

- i. Nyata dan jelaskan prinsip insurans yang mesti dipatuhi oleh Dato' Baharuddin. *(3 markah)*
 - ii. Jelaskan prinsip insurans yang membolehkan Dato' Baharudin menginsuranskan rumahnya. *(3 markah)*
- b) Sekiranya berlaku kebakaran, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh insured bagi menuntut gantirugi daripada insurer? *(4 markah)*
- c) Pernyataan di bawah berkaitan dengan pergudangan.

Puan Mariam seorang pengusaha batik dan songket 1Malaysia yang terkenal di Terengganu. Tempahan yang diterimanya semakin meningkat. Selama ini beliau hanya menyewa dua unit rumah kedai yang terletak bersebelahan kilangnya untuk menyimpan semua produk yang dihasilkannya.

Bulan lepas beliau menerima notis supaya mengosongkan dua unit rumah kedai tersebut dalam masa 6 bulan. Beliau bercadang untuk mendirikan sebuah gudang.


Jelaskan 2 ciri gudang yang menepati spesifikasi gudang yang baik. *(6 markah)*

- d) Rajah 3 di bawah menunjukkan sejenis kad yang dikeluarkan oleh Bank Simpanan Nasional.



RAJAH 3

- i. Namakan kad di atas. (1 markah)
- ii. Nyatakan dua jenis bank lain yang mengeluarkan kad di atas. (2 markah)
- iii. Jelaskan tiga jenis perkhidmatan yang disediakan oleh Bank Simpanan Nasional. (6 markah)
- 5 a) Encik Wee seorang pembekal peralatan pejabat di Kuala Terengganu. Beliau memperolehi bekalan daripada pengilang di Shah Alam, Selangor dan juga di import daripada Negara Filipina. Terangkan jenis pengangkutan yang sesuai untuk membawa pesanannya dari Ipoh dan Filipina ke gudangnya di Kuala Terengganu. (8 markah)
- b) Rajah 4 menunjukkan jenis-jenis lesen kenderaan perdagangan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesiran Kenderaan Perdagangan (LPKP)



RAJAH 4

- Jelaskan perbezaan antara keduanya. (4 markah)
- c) Terangkan perkhidmatan pembayaran yang disediakan oleh Pos Malaysia Berhad (6 markah)
- d) Jelaskan kepentingan Gudang berbon kepada kerajaan dan peniaga. (7 markah)

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi satu soalan yang wajib dijawab

Mohd dan Norashikin telah menubuhkan perniagaan kek dan roti yang bernama MN Bakery Enterprise. Mereka merupakan pengusaha kek dan roti berjenama strawberi yang terkenal di Bandar Kuala Terengganu. Kek dan roti berjenama strawberi telah mendapat sambutan yang hebat di dalam dan di luar negeri Terengganu. Mereka bercadang mengembangkan perniagaan ini ke seluruh Malaysia bagi memenuhi permintaan pelanggannya. Walaupun begitu mereka mahu mengekalkan rasa dan kualiti kek dan roti berjenama tersebut. Selain dari menjual roti dan kek dalam kuantiti yang diperlukan pengguna, perniagaannya juga melaksanakan fungsi-fungsi peruncit yang lain.

Setelah menjalankan perniagaan selama 5 tahun, Mohd dan Norashikin membuat keputusan untuk mengusahakan perusahaan membuat roti dan kek dengan cara français usahawan-usahawan yang berminat bagi mengembangkan lagi pasaran mereka. Kajian didapati sambutan pengguna terhadap roti dan kek keluarannya amat tinggi.

CJCV

Bagi memastikan keluarannya berterusan, MN Bakery Enterprise juga mendapat bekalan mentah dari luar negara. Perniagaannya membuat pesanan secara langsung dengan menghubungi pengekspor menggunakan dokumen pesanan. Bagaimana pun mereka tidak menyatakan nama-nama pembekalnya. Strategi perniagaan yang dilaksanakan telah menjadikan keluaran MN Bakery Enterprise setanding dengan jenama-jenama lain yang terkenal dalam pasaran.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

6. a. i. Nyatakan jenis milikan di atas. (1 markah)
ii. Berdasarkan di (a) i, terangkan ciri-ciri milikan tersebut. (6 markah)

- b. i. Apakah jenis saluran agihan yang digunakan oleh MAS Bakery Enterprise ? (1 markah)
ii. Terangkan peranan peruncit dalam saluran agihan tersebut. (8 markah)

- c. i. Apakah maksud perniagaan français?
ii. Nyatakan kelebihannya kepada MAS Bakery Enterprise. (3 markah)
(3 markah)

- d. Terangkan dokumen pesanan yang digunakan oleh AM Bakery Enterprise. (3 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

